



Berseemuka dengar masalah penduduk

Kuantan: Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menggunakan pendekatan berseemuka untuk mendengar permasalahan penduduk di kawasan pentadbirannya selain mendekatkan lagi pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dengan orang ramai.

Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzila Salleh berkata, pihaknya akan mengadakan lebih banyak pertemuan atau sesi dialog sebagai platform bagi mewujudkan situasi 'menang-menang' antara PBT dan penduduk.

Beliau mahu pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial berjalan lebih efisien selain segala permasalahan penduduk dapat diselesaikan mengikut saluran sepatutnya.

"Sebelum ini, kita ada melakukan pertemuan seperti ini, namun mungkin secara berkala, selepas ini kita lebih kerap mengadakan sesi dialog bersama bagi mendapatkan jalan penyelesaian yang memuaskan hati semua pihak.

"Pendekatan menunggu orang (penduduk) datang kepada kita (mengadu) sudah tidak relevan. Kita perlu bertindak dulu dengan turun padang dan mendengar permasalahan mereka," katanya selepas merasmikan sesi Townhall Komuniti Kampung Bese-rah di Pusat Rekreasi Air Balok, di sini, semalam.

Antara jabatan dan agensi kerajaan yang turut hadir adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Jabatan Pengairan dan Saliran negeri, Jabatan Kesihatan negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) negeri.